

# Amar UMS anjur Karnival Integriti dan Anti Rasuah 2019

UG 9.5.2019 B2

KOTAKINABALU: Program Karnival Integriti dan Anti Rasuah 2019 adalah program yang dianjurkan oleh Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah Universiti Malaysia Sabah (Amar UMS) yang melibatkan penyertaan daripada pelajar-pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi awam serta swasta sekitar Kota Kinabalu.

Program ini dijalankan pada 27 April lalu bertempat di UMS. Terdapat lima pertandingan yang diadakan dan tempat yang digunakan semasa program berlangsung ialah Dewan Kuliah Pusat 12 dan 15. Program ini bermula seawal 9 pagi dan berakhir pada jam 4 petang.

Program ini melibatkan aktiviti secara berkumpulan dan individua iaitu pertandingan nasyid dan sketsa dilakukan secara berkumpulan manakala pertandingan melukis poster, sajak dan pidato secara individu-

dimana acara ini dilakukan secara serentak.

Dalam setiap pertandingan yang dipertandingkan, para peserta dihendaki menyampaikan mesej berkaitan rasuah mengikut tema atau tajuk yang diberikan.

Di akhir program ini, semua peserta yang terlibat dalam pertandingan dapat mengetahui sedikit sebanyak pengetahuan berkaitan sejarah penubuhan SPRM dan Kelab Amar UMS serta mengetahui tentang bahayanya rasuah jika diamalkan oleh generasi akan datang.

Timbalan Pengarah Pencegahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sabah Awang Samsul Baharam Bongsu, menyatakan bahawa program-program seperti ini sangat sesuai kepada pelajar-pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi awam serta swasta untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bahaya



**SESI bergambar bersama para tetamu jemputan dan peserta karnival.**

rasuah serta dapat memberi impak yang tinggi kepada generasi muda sekarang agar dapat menjauhkan diri daripada kegiatan yang tidak berintegriti ini.

Disamping itu, beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua peserta yang hadir dalam menjayakan program ini dan juga mengucapkan syabas kepada semua barisan ahli jawatankuasa program kerana berjaya menganjurkan program seperti ini.

Selain itu, program ini juga menerima maklum balas positif daripada semua peserta dan guru-guru pengiring peserta dimana mereka berharap agar program seperti ini akan dianjurkan lagi di masa akan datang kerana program seperti ini sangat bermanfaat untuk belia-belia di luar sana mendapat pendedahan dan pengetahuan yang luas berkaitan dengan nilai integriti dan bahayanya rasuah kepada mereka.

Dengan penganjuran

Program Karnival Integriti dan Anti Rasuah 2019, Amar UMS berharap agar dapat menganjurkan lagi program-program seperti ini di masa akan datang dengan sasaran melibatkan lagi peserta dari seluruh institut pengajian tinggi awam dan swasta serta sekolah menengah dan rendah seluruh Sabah agar dapat memperkuatkannya integriti dalam diri serta memberi pendedahan tentang bahayanya rasuah dalam kehidupan mereka.